Utusan Malaysia

Sekolah tidak capai gred purata subjek tidak layak sertai DLP



Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 baru-baru ini mendedahkan 9,306 pelajar gagal Bahasa Melayu manakala lebih 40,000 gagal dalam Bahasa Inggeris.

- Oleh QHOLIJAH ZULKIFLI
- 12 Jun 2024, 2:31 pm

PETALING JAYA: Persatuan Ibu Bapa Untuk Pendidikan Malaysia (PAGE) menggesa Kementerian Pendidikan (KPM) meneliti semula sekolah-sekolah yang tidak mencapai tahap gred purata mata pelajaran (GPMP) untuk menyertai program dwibahasa (DLP).

Pengerusinya, Datin Noor Azimah Abdul Rahim berkata, majoriti anak Melayu di sekolah kebangsaan perlu diberi peluang untuk menyertai DLP demi memajukan diri mereka.

“DLP dapat meningkatkan taraf kesejahteraan anak-anak Melayu dan membuka peluang bagi mereka untuk melangkah keluar dari kitaran kemiskinan.

“Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 baru-baru ini mendedahkan 9,306 pelajar gagal Bahasa Melayu manakala lebih 40,000 gagal dalam Bahasa Inggeris malah hanya 10 peratus dari sekolah rendah di Sabah dan Semenanjung menawarkan DLP.

“Kebanyakan sekolah hanya satu kelas DLP yang ada, ini bermakna 90 peratus sekolah rendah langsung tiada DLP,” katanya.

Terdahulu, DLP yang diluluskan pada 2015 dalam mata pelajaran Sains dan Matematik mempunyai tiga kriteria dipersetujui secara bertulis daripada ibu bapa dan sekolah mempunyai sumber mencukupi iaitu kesanggupan guru besar dan guru melaksanakannya

Selain itu, setiap sekolah digalakkan membuka sekurang-kurangnya satu kelas DLP di setiap peringkat antara kriteria DLP boleh dilaksanakan.

“Sebelum pelaksanaannya pada 2016, pejuang bahasa bertegas membantah dengan mewujudkan kriteria keempat iaitu sekolah yang ingin menyertai program DLP perlu mencapai tahap GPMP subjek Bahasa Melayu di peringkat **Ujian Pencapaian Sekolah Rendah** (**UPSR)** dan SPM,” kata Azimah.

Tambah Azimah, kriteria tambahan yang diperkenalkan iaitu meminta sekolah mencapai prestasi tertentu dalam Bahasa Melayu di UPSR dan SPM disifatkan sebagai langkah regresif.

“Ini akan menghalang peluang sekolah-sekolah yang majoriti berada dalam kalangan komuniti Melayu daripada menyertai program ini.

“Sikap ego dan kepentingan politik perlu ditinggalkan demi kepentingan masa depan pendidikan negara yang mahu merampas peluang DLP,” katanya lagi. – UTUSAN